

27 JUN 2002

WANITA TERUS SEGAR JADI TULANG BELAKANG PARTI, KATA RAFIDAH

KUALA SELANGOR, 27 Jun (Bernama) -- Ketua Wanita Umno Datuk Seri Rafidah Aziz berkata pergerakan itu akan terus segar dan mampu menjadi tulang belakang parti apabila berlaku peralihan kuasa dalam kepimpinan tertinggi parti nanti.

Beliau berkata Wanita Umno akan mendokong segala langkah yang diambil parti dalam tempoh peralihan kuasa antara Presiden Umno Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kepada timbalannya Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

"Dalam masa 16 bulan ini keadaan seperti sedia-kala, macam biasa. Tidak ada perubahan yang hendak ditakutkan," katanya kepada seramai 500 orang, kebanyakannya anggota Hal Ehwal Wanita (Hawa) kawasan Parlimen Kuala Selangor, di sini malam tadi.

Rafidah menghadiri majlis makan malam "Sekalung Budi Setulus Hati" anjuran Hawa kawasan parlimen itu dan turut melancarkan laman web Pergerakan Wanita Kuala Selangor dan laman web Hawa Parlimen Kuala Selangor.

Beliau mengulas keputusan Perdana Menteri untuk meletakkan jawatan selepas Oktober 2003.

Rafidah berkata orang ramai khususnya anggota Umno tidak wajar keliru atau kecoh dengan tempoh peralihan kuasa yang akan berlaku kerana Dr Mahathir sebelum melepaskan jawatan telah cuba menyeimbangkan kehendak negara, parti dan orang ramai dengan keperluan diri serta keluarganya.

Dr Mahathir merasakan Umno kini sudah sihat, kuat dan mencapai tahap membanggakan, kata Rafidah yang juga Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri.

-- BERNAMA
RIZ RON